# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 24 BILANGAN 12 | RABU 21HB MACH, 1979. | 1399 رابو 21 ربيع الاخير | PERCHUMA


# PUSAT KANAK2 NAKAL AKAN DI-BENA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-buah pusat untok kanak2 nakal akan di-bena di-Daerah Brunei-Muara. Projek yang menelan belanja kira2 $8.3 juta itu akan di-bena atas sa-buah tapak sa-luas 10 ekar di-Kampong Orang Kaya Besar Imas dan di-jadualkan siap dalam tahun 1981. Pusat yang julong2 kali-nya di-bena di-negeri ini boleh menampong 120 orang.

Kerja2 meratakan tapak sa-luas 10 ekar telah pun di-mulakan dalam bulan lalu di-mana projek perengkat pertama akan di-bena yang mengandongi dua buah asrama bagi lelaki dan perempuan, sa-buah kelinik, bengkel dan dewan gerak badan.

Kerja2 perengkat kedua yang mengandongi bangunan pentadbiran, rumah2 untok pekerja2 pusat itu dan kawasan untok letak kereta akan di-mulakan dalam dua bulan Mei tahun ini. Perengkat kedua ini juga mengandongi blok untok beberapa buah bilek darjah dan latehan kemahiran juga akan di-bena kemudian.

Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan juga memohon sa-buah tapak sa-luas 15 ekar berdekatan dengan pusat itu untok pembenaan sa-buah rumah bagi orang2 chachat.

## Wang kertas ini akan di-tarek balek

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Matawang Brunei telah menerima pengumoman dari Bank of England bahawa wang2 kertas £1 dan £10 dari siri yang mula2-nya di-keluarkan pada 17hb Mach, 1960 dan 21hb Februari, 1964 masing2-nya akan di-tarek balek pada 31hb Mei tahun ini.

Wang2 kertas £1 dari siri yang di-gunakan sekarang yang di-keluarkan sejak bulan Februari 1978, yang menunjokkan wajah Sir Isaac Newton di-belakang-nya dan wang2 kertas £10, yang di-keluarkan sejak bulan Februari, 1975, yang menunjokkan wajah Florence Nightingle di-belakang-nya tidak terlibat oleh pengumoman ini.

Sa-hingga dan termasok 31hb Mei, 1979, wang2 kertas yang di-tarek balek itu akan terus sah di-perlakukan dan boleh dari itu di-gunakan sa-chara biasa. Untok kesenangan orang ramai ada-lah di-minta mengator supaya wang2 kertas dari siri lama £1 dan £10 yang di-mileki mereka samada di-bayar ka-dalam kira2 bank mereka atau pun di-tukarkan dengan wang2 siri keluaran sekarang dengan sa-berapa segera.

Sa-lepas 31hb Mei, 1979 wang2 kertas siri lama itu tidak akan sah di-perlakukan lagi walau pun sa-lepas tarikh itu wang2 itu dapat di-tukarkan di-Bank of England. Bank of England tidak dapat menukar wang2 kertas itu melalui pos.

## Gelembong gas berkurangan

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad mengumomkan bahawa kejadian gelembong gas di-padang minyak Champion telah berkurangan. Penyiasatan2 yang di-jalankan menunjokkan bahawa gas dan ayer telah keluar dari satu lobang kechil di-dasar laut.

Meskipun kejadian itu telah berhenti kerja2 maseh lagi di-teruskan untok membuat persiapan bagi mengorek telaga2 untok mengurangkan tekanan dan juga memasokkan chechair untok menchegah sebarang aliran di-masa akan datang.

Kerja2 tersebut menghendaki usaha2 kejuruteraan yang intensif dalam masa beberapa bulan akan datang termasok mereka-bentok dan juga memasang pelantar2 untok membantu telaga2 dan juga peralatan mengepam. Kerja2 tersebut akan memakan masa beberapa bulan.

Sementara itu, kapal2 dan nelayan2 di-nasehatkan supaya terus menjauhi kawasan tersebut.




PENASEHAT Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim pada minggu lalu telah menyaksikan pameran ekspedasi yang kini sedang di-adakan di-Muzium Brunei.

Pengawal Kastam dan Bea, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (kanan) dan lain2 pegawai kanan Kerajaan juga telah menyaksikan pameran yang di-anjorkan bersama oleh Bahagian Ilmu Kejadian Muzium Brunei dengan Yayasan Harewood (gambar atas).

Pameran yang akan di-adakan sa-hingga 8hb April itu mengandongi sa-banyak 600 chontoh termasok serangga, ikan, burong dan binatang yang di-dapati semasa ekspedasi yang di-lakukan oleh Muzium Brunei dan Yayasan Harewood di-Bukit Retak dan Bukit Tambakai, Ulu Temburong pada tahun lalu.

Termasok juga dalam pameran itu ia-lah 60 keping gambar yang menunjokkan chara2 dan tempat2 ekspedasi di-jalankan. Antara gambar2 itu terdapat sa-keping gambar yang menunjokkan kejayaan rombongan ekspedasi membunoh sa-ekor ular sawa yang panjang-nya 20 kaki 8 inchi.

Sa-orang juruchakap Muzium menyatakan bahawa pameran tersebut ada-lah julong2 kali-nya di-adakan dan ia-nya sa-bagai salah satu penyelarasan terhadap satu pameran yang akan di-anjorkan oleh Yayasan Harewood pada 30hb ini bertempat di-Harewood Birdsgarden, Leeds, United Kingdom.

Menurut beliau kejayaan yang di-chapai oleh Muzium Brunei dan Yayasan Harewood dalam mengusahakan ekspedasi itu ada-lah sa-bahagian besar-nya bergantong atas kerjasama yang di-sumbangkan oleh pasokan ke-10 Princess Mary's Own Gurkha Rifles dan pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Kejayaan pameran ini, tambah beliau, juga akan menjadi satu daya penggalak bagi Muzium Brunei dan Yayasan Harewood untok terus mengadakan beberapa ekspedasi saumpama itu di-lain2 kawasan di-daerah negeri ini.

## Kursus memproses lada sulah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pertanian akan menganjorkan satu kursus memproses lada puteh untok Pegawai2 Pengembangan Pertanian yang di-tugaskan di-kampong2. Kursus yang di-kendalikan di-bawah skim latehan dalam perkhidmatan itu akan di-adakan di-Pusat Latehan Pertanian tidak lama lagi.

Kursus ini ada-lah bertujuan untok memberikan pengalaman kapada pegawai2 tersebut mengenai dengan chara memproses lada puteh yang mana mereka akan di-kehendaki mempraktikkan pengalaman yang mereka perolehi itu kapada penanam2 lada sulah di-kawasan2 mereka bertugas.

Langkah ini ada-lah bertujuan untok meninggikan lagi pengetahuan dan kemahiran penanam2 lada sulah di-negeri ini dalam memproses hasil2 lada sulah supaya hasil pengeluaran tanaman tersebut akan mendapat harga yang baik.

Sementara itu, Jabatan Pertanian telah menetapkan harga lada sulah bagi tahun ini.

Harga jualan lada hitam dari penanam kapada Kedai Sharikat Kerjasama ia-lah $2.05 sa-kati dan lada puteh $3.40 sa-kati. Manakala harga jualan dari Kedai Sharikat Kerjasama kapada Jabatan Pertanian ia-lah $2.25 sa-kati bagi lada hitam dan $3.75 sa-kati bagi lada puteh.

Hasil2 yang di-terima dari penanam2 yang bermutu rendah akan di-tawarkan harga saperti berikut:

Lada Hitam — $1.65 sa-kati dan lada puteh $2.75 sa-kati.

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

21HB MACH, 1979

# KAJIAN LALU-LINTAS DAN JALAN BESAR

KAJIAN lalu-lintas dan penelitian kejuruteraan bagi ibu-negeri serta kawasan sekitar-nya dalam usaha merintis satu sistem jalan besar dan kemudahan lalu-lintas untok mengimbangi kemudahan2 pada tahun 2000 yang akan datang ada-lah merupakan suatu peranchangan ka-atas bentok pembangunan yang digariskan oleh kerajaan dengan begitu teliti ibarat kata pepatah bersedia payong sa-belum turun-nya hujan.

Strategi ini jelas menampakkan usaha dan sikap kerajaan pada menyempurnakan mana2 perkara yang perlu di-dahulukan hendak-lah di-laksanakan dan yang lain menyusuli kemudian. Kerana itu meranchang satu bentok sistem lalu-lintas yang sempurna bukan-lah merupakan suatu yang mudah untok menchapai perlaksanaan-nya malah ia memerlukan penelitian yang mendalam dari beberapa sudut di-samping memerlukan jumlah perbelanjaan yang begitu besar apa-tah lagi peranchangan yang di-maksudkan itu terlibat dalam kawasan perbandaran.

Jelas-lah dari peranchangan ini juga ia-nya akan dapat menyusun ka-arah kesempurnaan bagi sa-tiap bentok penempatan di-satu2 kawasan atau tanah, sebab sa-suatu penempatan baik untok perumahan atau perusahaan yang tidak mempunyai sistem jalan-raya yang sempurna, tentu-nya tidak dapat menjamin keselesaan dan daya perusahaan yang baik.

Bandar Seri Begawan yang sifat-nya sa-bagai ibu-negeri sudahpun menampakkan keutamaan-nya sa-bagai pusat pentadbiran yang utama bagi urusan2 di-pehak kerajaan atau swasta, maka kepesatan yang di-tampong-nya bagi melancharkan urusan demikian ada-lah kian menchabar dengan keupayaan yang ada, sebab kepadatan yang meluas dan perlu di-tanggong oleh ibu-negeri sa-hingga tahun 2000 itu tentu-nya akan lebeh merumitkan lagi jika suasana dan bentok kemudahan lalu-lintas yang ada ketika ini maseh juga sa-hingga ka-hari itu.

Kesesakan lalu-lintas yang sering di-rumitkan oleh berbagai jenis kenderaan di-Bandar Seri Begawan ketika inipun sudah chukop untok pehak kerajaan berfikir dan menjangkau strategi yang 'up-to-date' jangan sampai ia-nya terbiar yang akhir-nya ibarat kita mengalirkan ayer pada saloran getah yang hujong-nya tertutop, maka tidak dapat tidak saloran itu akan pechah di-mana2 akibat kepadatan ayer yang berkehendakkan jalan keluar.

Memandangkan hal ini-lah keupayaan kerajaan mengundang sa-buah firma yang berpengalaman bagi mengendalikan peranchangan ini benar2 menjamin kehendak2 masharakat siapa yang akan menjalamai ibu-negeri di-waktu itu nanti. Bertambah-nya penghuni2 yang mendiami ibu-negeri dari sa-masa ka-semasa turut memaksakan strategi demikian perlu di-ujudkan melihat kapada kesesakan lalu-lintas yang sudah memperlihatkan halangan2 bagi sa-tiap gerakan kenderaan yang masok dan keluar dari kawasan berkenaan.

Bangunan2 yang di-bangunkan di-beberapa kawasan dalam bandar dan juga di-sekitar-nya amat menakjubkan sekali. Bangunan2 kerajaan, swasta dan sekolah2 baru sentiasa saja munchol merobah bentok ibu-negeri ka-arah satu kemajuan yang tidak dapat di-bendong, tetapi apa akan jadi jika pertumbohan demikian kian galak sedangkan penyediaan sistem lalu-lintas yang sempurna bagi menchapai maksud2 kemajuan itu tadi maseh tidak memuaskan. Tentu-nya dari kesesakan yang tidak terurus dengan rapi itu halangan2 dan kekechohan tetap akan timbul.

Jadi-nya kerjasama dari semua pehak bagi menjayakan ranchangan yang amat berfaedah ini perlu-lah ada jangan sampai terjadi apa yang kita lakukan hari ini akan menimbulkan kesusahan untok kita di-hari muka. Mudah2an usaha demikian akan memberikan keselesaan dan keselamatan yang sebenar2-nya kapada kita dalam sa-buah bandar yang terkenal dengan peranchangan yang sempurna dan masharakat yang maju.





# Penuntut2 MPSHB melawat Jab. Ukor

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 16 orang ahli2 Kelab Sains Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong telah mengadakan lawatan sambil belajar ka-Jabatan Ukor pada hari Khamis yang lalu.

Rombongan tersebut telah di-ketuai oleh sa-orang pensharah ia-itu Awang Jacob Chin.

Awang Lamat bin Khamis selaku ketua kelab tersebut telah menyatakan bahawa tujuan lawatan mereka itu ia-lah untok meninggikan ilmu pengetahuan, untok mengetahui serta mempelajari kerjaya sa-orang pekerja ukor dengan lebeh dekat lagi saperti chara2 ukoran kawal, membuat panduan peta2 dan pemechahan tanah.

Lawatan mereka itu bermula dengan satu taklimat mengenai pentadbiran dan tugas2 Jabatan Ukor, oleh Pegawai Latehan Jabatan Ukor, Awang Md Taib bin Haji Mohd Said. Sa-lepas itu mereka telah di-bawa menyaksikan tunjokchara kerja luar dengan lebeh dekat lagi bagaimana kerja2 pengukoran dengan menggunakan alat2 tertentu oleh pegawai2 dan pekerja ukor. Ini termasok-lah chara2 untok menilek atau membacha sudut2 dan haluan2 dengan menggunakan alat "Theodolite". Di-samping itu mereka juga di-tunjok ajar bagaimana untok menyukat dari satu batu sempadan ka-batu sempadan yang lain dengan menggunakan Theodolite dan sa-utas rantai.

Di-akhir lawatan itu mereka juga di-tunjokan chara2 mengukor satu jarak dengan menggunakan alat penyukat Jarak Letronik (EDM), DI-3S dan D-10, yang mana boleh menyukat satu jarak dalam masa yang pendek dan boleh menyukat sa-jauh 1000 meter. Tunjok ajar dalam bahagian ini telah di-kendalikan oleh Awang Baharuddin bin Haji Giok. (Gambar2 atas).

Ahli2 Kelab Ilmu Alam dari maktab tersebut juga akan membuat lawatan sa-rupa, esok 22hb Mach.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah bermula dari 15hb Mach, 1979.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   Leong Soon Huat,
   No. 1, Jalan McArthur.
2. ASAM GELUGOR — $4.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   Leong Huat,
   No. 57, Jalan Sultan.
3. KACHANG HIJAU — 60 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Ming Thai Company,
   No. 32, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT**

1. PUSU KERING — $4.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Kok Kee,
   No. 60, Jalan Pretty.
   b) Foh Soon,
   No. 60-A, Jalan Pretty.
2. ASAM GELUGOR — $4.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Ng Ming Hong,
   No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.
3. KACHANG HIJAU — 90 sen sa-kati boleh di-beri dari kedai2 berikut :—
   a) Kok Kee,
   No. 60, Jalan Pretty.
   b) Chop Ng Ming Hong,
   No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.
   c) Chop Kim Ming,
   Bangunan Foo Chow.

**SERIA**

1. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chin Siong Hin,
   No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Poh Sing,
   No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
2. ASAM GELUGOR — $4.70 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Hui Guan,
   No. 48-B, Jalan Bunga Kuning.
3. KACHANG HIJAU — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Siong Huat,
   No. 40, Jalan Bunga Melor.
   b) Haji C. A. Mohammed,
   No. 51, Jalan Bunga Kuning.
   c) Chop Siong Yick,
   No. 54, Jalan Bunga Kuning.
   d) Poh Sing,
   No. 65, Jalan Bunga Kenanga.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 24hb hingga 31hb Mach, 1979

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Kawasan Masjid, Kampong Sengkurong | 24.3.1979 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 24.3.1979 | Sabtu | 3.15– 4.15 ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 24.3.1979 | Sabtu | 4.30– 5.30 ,, |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 26.3.1979 | Isnin | 3.00– 4.00 ,, |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 26.3.1979 | Isnin | 4.30– 5.30 ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 27.3.1979 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 27.3.1979 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 28.3.1979 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 28.3.1979 | Rabu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 28.3.1979 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 31.3.1979 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 31.3.1979 | Sabtu | 2.45– 3.45 ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 31.3.1979 | Sabtu | 4.00– 5.00 ,, |

# NATURAL HISTORY EXHIBITION

KOTA BATU. — An exhibition of natural history from the Temburong District is currently being staged at the Brunei Museum here.

The month-long exhibition has some six hundred species of preserved insects, birds, fish and animals which were collected from the interior of the Temburong District last year.

It is open to the public on Tuesdays, Wednesdays, Thursday, Saturdays and Sundays from nine in the morning to five in the afternoon.

On Fridays, the exhibition can be viewed from nine to eleven in the morning and from half-past two to five in the afternoon.

**Picture on the right shows the Yang Teramat Berhormat, General Adviser, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa during a preview of the exhibition.**



## Locals to be trained as RBA's pilots

BANDAR SERI BEGAWAN. — Within 3 years Brunei Citizens may be flying as co-pilots on Royal Brunei aircraft.

This is the intention of a new pilot scholarship training scheme announced this week by Royal Brunei Airlines and the Brunei Government.

Full details will be published soon but minimum qualifications will be GCE 'O' Levels in at least English, Maths, Physics and one other subject.

The Flight Operations Manager of Royal Brunei Airlines, Captain Ralph Hollis commenting on the pilot training scheme said, "I am certain that there are young men in the State of Brunei who are quite capable of becoming pilots for Royal Brunei Airlines up to the high standards we require.

"We know this from the quality of helicopter pilots already flying with the Royal Brunei Malay Regiment".

"We are now making arrangements for the selection and training of cadet pilots."

The Airline's General Manager, Mr Alan Douglas left Brunei on 2nd March for England where he will discuss the training programme with two commercial pilot rtaining schools.

## Over 800 register to go on Haj

BANDAR SERI BEGAWAN. — More than eight hundred people from throughout the State have so far registered to perform the Haj in Mecca this year.

The Religious Affairs Department disclosing this also said that the disclosing date for registration has been deferred to March 31.

The Department said those who wish to perform the Haj but have not yet registered themselves are requested to do so as soon as possible and not later than March 31.

## Cease to be legal tender after May

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Currency Board has received an announcement from the Bank of England that the £1 and £10 notes of the series first issued on 17 March 1960 and 21 February 1964 respectively are to be called in on 31 May 1979.

The £1 notes of the current series, issued since February 1978, which depict Sir Isaac Newton on the reverse and the £10 notes, issued since February 1975, which depict Florence Nightingale on the reverse are not affected by this announcement.

Up to and including 31 May 1979, the notes being called in will remain legal tender and may therefore be used in the ordinary way.

For their convenience the public are asked to make arrangements for any of these old series £1 and £10 notes in their possession either to be paid into a bank account or exchanged for notes of the current series without delay.

After 31 May 1979 the old series notes will cease to be legal tender although after that date they will be exchangeable at the Bank of England.

The announcement said the Bank can not undertake to exchange notes through the post.

## Teaching course to start in July

GADONG. — The Education Department is inviting applications from young men and women for a three-year teaching course at the Sultan Hassanal Bolkiah Teachers College here from July 1979 to June 1982.

The applicants must be subjects of His Highness the Sultan and must have passed in at least four subjects at ordinary level in the Brunei Cambridge GCE or Singapore Cambridge GCE or equivalent examinations.

Preference will be given to applicants who possess subjects such as Science, Mathematics and English.

They must be single and remain single throughout the duration of the course.

The applicants will have to appear for interview and those chosen must be certified by doctors as physically and mentally fit.

Before actually starting the course, they must enter into an agreement with the Government that they must serve the Government not less than five years after successfully completing the course of training and that they must be prepared to teach in any schools allocated by the Education Department.

They or their gurantors will have to reimburse the Government in full if they are dismissed during the course for being guilty of misconduct or negligence or withdraw from the course without the consent of the Government.

On admission to the college, they will be provided with accommodation including meals and will receive a subsistence allowance of $210.00 per month during the first and second year and $225.00 per month during the third year.

Those interested should apply using the prescribed forms available from the office of the Principal, Sultan Hassanal Bolkiah Teachers' College or from Principals of Government Secondary Schools.

The forms must be completed and returned to the Principal, Sultan Hassanal Bolkiah Teachers' College, Gadong not later than March 31.

## Exercise in HongKong

BERAKAS CAMP. — More than a hundred members of the C Company of the First Battalion of the Royal Brunei Malay Regiment are currently taking part in a military exercise in Hong Kong.

The exercise, code-named TUKAR ANGIN, started on Sunday and will last about a month.

It will include adventure training, mountain climbing and canoeing.

## New Postal Service

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Postal Services Department will introduce a new facility known as the Business Reply service from April 2.

The new service is designed to facilitate all business matters and letters such as folder and non-stamped envelopes, reply cards, address-printed cards that are permitted by the Department.

It will be open to the public, and all business and commercial firms and companies throughout the State.

Anyone wishing to use the service should apply for licences from the Postmaster-General together with a deposit of not less than ten dollars.

## Brunei attends WAMY

BANDAR SERI BEGAWAN. — The President of the Brunei State Youth Council, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif is representing Brunei at the fourth World Assembly of Muslim Youth now being held in the Saudi Arabian capital of Riyadh.

The ten-day meeting started on Sunday and is being attended by about two hundred delegates from Muslim nations throughout the world.

Awang Haji Jaya is to present a working paper on Islam in Brunei during the meeting.

## Another helicopter for RBMR

BERAKAS CAMP. — The Royal Brunei Malay Regiment last week took delivery of another helicopter.

The new helicopter, a Bell 212, arrived on Thursday after a seven-hour journey from Singapore with a stopover in Kuching for refuelling.

It was piloted by one of the State's own helicopter pilots, Major Jock Lin with a civilian pilot from a Singapore firm as co-pilot.

On board were three engineers including one from the regiment.

With the arrival of the craft, the regiment's airwing now has thirteen helicopters.

## BWI attends conference

BANDAR SERI BEGAWAN. — A four-member delegation from the Brunei Women's Institute will leave for Kuala Lumpur this Saturday to attend the 7th Asian Regional Conference of Associated Country Woman of the World, ACWW, which will be held in the Malayisan capital from March 26 to 31.

The delegation will be led by the BWI secretary, Dayang Hajjah Shamsiah binte Abdul Latif.

The conference, the theme of which will be Today's Child, Tomorrow's Citizen, will be attended by delegates from eight countries in Asia.

It will be declared open by the Malaysian Deputy Prime Minister, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad.

Also present will be among others the President of ACWW, Mrs Raieh Roe.

## Work in progress on home for juvenile offenders

BERAKAS. — Works on the construction of a community home for juvenile offenders has started and is scheduled to be completed within this year.

Located on a ten-acre site here, the home will cost more than eight million dollars and will be able to accommodate about one hundred and twenty people.

It will be under the care of the Department of Welfare Youth and Sports which has also applied for another fifteen acres of land close to the site for the proposed centre for the disables.

# Sebaran 'Am Alat Dakwah

**oleh: Awang Hj Yahya Hj Ibrahim**

**(Sambongan)**

Di-punchak semua ini keinginan supaya sebaran 'am menjadi alat dakwah tidak akan ujud tanpa pengetahuan. Sa-orang Islam yang bekerja di-radio dan menjadi juru-hebah mithal-nya sangat-lah burok-nya kalau dia tidak tahu menyebut perkataan *fardhu Dzuhor* dan menyebut-nya *"Pardu Johor"*. Pemberita surat khabar mithal-nya sangat-lah malu-nya apabila dia menyatakan dalam tulisan-nya *"Allah yarham"* menjadi *"mendiang"*. Atau berita2 TV menyebut sa-orang Padri membacha khutbah. atau radio menyiarkan lagu2 ronggeng sa-belum azan atau sa-sudah-nya.

Tetapi bukan-lah tujuan kita di-sini untok membuat satu2 saranan mengenai keaiban yang besar — tetapi tidak pernah di-rasakan. Ini kerana bukan-lah tujuan kertas kerja ini untok menyentoh bidang2 tersebut. Walau bagaimanapun mustahak-lah di-fikirkan perihal ada-nya orang2 Islam yang sangat jahil tentang ugama-nya yang tidak mau mempelajari sedikit pun apa yang mustahak di-ketahui-nya.

Kejahilan berugama hasil dari penyogokan sebaran 'am yang bersifat sekularistik itu menyebabkan kurang-nya semangat berugama atau mempertahankan ugama itu. Dan dalam kata2-nya yang tertentu timbul perchanggahan dalam kalangan orang2 Islam sendiri. Perchanggahan ini di-pergunakan oleh pehak ketiga (Third Party) untok melagakan orang2 Islam sama sendiri baik sa-chara nyata atau pun tidak. baik dalam tulisan atau lisan — dan ini-lah yang menghalangi alat2 sebaran 'am telah tidak dapat di-pergunakan untok tujuan2 dakwah. (*)

Akhir-nya bidang2 dakwah, ruangan2 berunsor ugama dalam alat2 sebaran 'am hanya-lah sa-jamput menjadi bahan perhiasan pada hari Jumaat atau malam Jumaat sa-kadar untok melepaskan batuk di-tangga. Sedangkan yang menjadi lawan2-nya yang menenggelamkan tujuan dakwah itu sangat banyak.

PENYELARASAN

Dalam satu majlis foram mengenai tanggong jawab orang2 Islam di-Brunei terhadap kemajuan Islam, di-Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah saya sa-bagai sa-orang peserta-nya telah menyentoh hal penyelarasan tugas ini yang mana pada pendapat saya tugas menyebarkan fahaman keIslaman itu bukan hanya terta'alok kapada kuasa dan tenaga satu2 pejabat, atau badan atau pertubohan. Ada-lah satu perkara yang ganjil bagi sa-orang Islam yang mengakui diri-nya Islam tetapi tidak mempunyai rasa sedar dan keinginan untok berkhidmat kapada Islam.

Fahaman bahawa "orang ugama" yang bertanggong jawab terhadap agama ada-lah fahaman yang datang di-bawa

## Seminar Dakwah Islamiah Pegawai2 Rendah Kerajaan

oleh orang2 Masehi. Orang Masehi telah lari dari agama mereka lalu memisahkan agama dari kehidupan.

* **Dalam satu waktu saya pernah menonton TV mengikuti ruangan perbinchangan yang di-tujukan sa-chara tidak langsong kapada wanita2 dengan maksud supaya wanita — Islam — bergerak dengan lebeh chergas dan luas salaras dengan kehendak2 ugama. Tetapi alang-kah herannya bila tiba tentang masaalah pergaulan dan pakaian — maka salah sa-orang peserta (Islam) menyebutkan antara-nya bahawa memakai baju mandi di-pantai ada-lah sesuai dan tidak ada apa2! Di-mana-kah keIslaman peserta ini? Ada-kah ia memikirkan hanya memakai baju mandi? dan memakai baju mandi itu saperti di-dalam bilek mandi ?**

(Religion divorced from the State) dalam zaman kebangkitan industri Eropah. Fahaman itu mereka bawa ka-dalam kehidupan orang2 Islam di-seluroh dunia yang mereka gauli, supaya dengan itu terchapai-lah maksud mereka untok mengalahkan Islam dan juga supaya kedudokan orang2 Islam sama dalam kekufuran terhadap Allah, saperti firman Allah Surah An-Nisa ayat 89: Maksud-nya:

*"Mereka suka kalau kamu menjadi kafir sa-bagaimana mereka kafir maka kamu semua menjadi sama (dalam kesesatan)".*

Dan firman-Nya Surah Al-Baqarah ayat 105: Maksud-nya:

*"Orang kafir yang dari ahli-kitab dan tidak juga orang2 Mushrikin yang ingin akan di-turunkan kapada kamu kebaikan dari Tuhan kamu".*

Oleh sebab dakwah orang2 kafir ini — telah berlaku dalam masa sangat lama dan menyeluroh dalam semua media kehidupan termasok-lah alat sebaran 'am, maka pengaroh-nya telah meresap di-dalam masharakat Islam. Hasil-nya banyak orang mem"bin"-kan anak zina kapada lelaki penzina-nya — Banyak orang mengaku anak angkat sa-bagai anak-nya lalu di-nikahkan-nya, tanpa takutkan undang2 Allah dan banyak orang tidak pedulikan kesalahan itu berlaku, apa sebab-nya? 'Itu bukan tugas aku. Pejabat Ugama ada'. (Tetapi kalau Pejabat Ugama tidak tau akan hal itu kerana tersembunyi di-dalam hati mereka yang berkenaan, mereka marah. Mereka marah pejabat yang tidak tau. Meraka yang tau yang tidak bertindak itu mereka tidak marah).

# Menuntut di-Singapura



TIGA orang penuntut dari Sekolah Arab (Lelaki) Hassanal Bolkiah telah berlepas ka-Singapura untok melanjutkan pelajaran mereka di-Sekolah Menengah Arab Al-Juned Singapura pada 9hb Mach lepas atas biasiswa Kerajaan Brunei.

Gambar atas menunjokkan dari kiri Ak Mohd Ismali bin Pg Haji Tuah, Ak Mustapa bin Pg Aliuddin dan Awang Ja'afar bin Mat Daim @ Maidin, sementara di-kanan sekali ia-lah Awang Haji Abdul Hamid bin Md Daud, Penolong Penguasa Pelajaran Ugama, Brunei ketika beliau memberikan keterangan2 dan nasehat2 sa-jurus sa-belum penuntut2 itu bertolak. Gambar JHEU.

# BERBUAT BAIK

## Bingkisan minggu ini

MEMANG-LAH sudah menjadi resam dunia, yang baik itu akan di-balas dengan yang baik juga. Kata orang: 'orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa'. Dengan sebab kita merasa sa-suatu kebaikan itu-lah kita akan membalas-nya juga dengan kebaikan.

Tidak-lah juga hairan, kalau ada yang maseh mengamalkan sikap, yang jahat akan di-balas juga dengan kejahatan. Ini ada-lah barangkali di-sebabkan pada anggapan mereka itu, ini-lah ganjaran yang paling sesuai dengan apa yang di-lakukan itu. Sebenar-nya, langkah ini kurang-lah tepat dan kurang sesuai, sebab kalau yang jahat itu di-balas juga dengan kejahatan, tentu-lah tidak akan menimbulkan apa2 perubahan kapada kebaikan. Malahan suasana akan bertambah genting lagi. Betapa tidak-nya, kalau-lah ashek saling balas-membalas dengan yang tidak baik, tentu-nya pula akan membuahkan sa-suatu yang tidak baik.

Sa-patut-nya apa2 jua yang jahat dan kurang baik, yang di-timpakan dan di-kenakan kapada diri kita itu jangan-lah di-balas dengan kejahatan juga, sa-balek-nya akan di-balas pula dengan kebaikan. Dengan sebab jahat di-balas dengan baik itu, tentu-lah sedikit sa-banyak akan menarek minat dan sa-chara perlahan-lahan akan dapat mengubah sikap sa-seorang yang pada mula-nya berhati batu dan 'gagah'. Tentu-nya, lama kelamaan ia akan terfikir, kenapa dan mengapa ia-nya di-layan dengan baik, sedangkan ia-nya sendiri bersikap kurang sopan dan kurang baik. Kalau-lah hal2 sa-rupa ini berlarutan, tentu-lah hari demi hari ia akan dapat memperbaiki diri-nya sendiri, sebab tentu-nya ia tidak akan tergamak lagi melakukan sa-suatu yang tidak baik sedangkan orang lain berbuat kebaikan terhadap diri-nya.

Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang di-riwayatkan oleh Bukhari yang maksud-nya kira2: *"Takut-lah engkau kapada Allah di-mana saja engkau berada dan ikuti-lah kejahatan itu dengan kebaikan mengiringi-nya dan berkelakuan baik-lah kapada manusia".*

Berpandukan hadith ini, jelas-lah sudah tentang surohan membalas kejahatan itu dengan kebaikan. Dan di-tambahi lagi dengan surohan berkelakuan baik sa-sama manusia. Dengan tingkah laku itu tentu-nya akan dapat mengajar dan mendidek masharakat sekeliling. Ia-itu dengan menchontohi apa2 jua kelakuan baik yang kita lakukan itu. Atau pun dengan lain perkataan, jadikan-lah diri kita itu sa-bagai chontoh yang baik bakal di-ikuti oleh masharakat yang melihat-nya nanti.

Ini berpatutan pula dengan pepatah yang berbunyi: 'Buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali-kali.' Memang-nya benar, kalau berbuat kebaikan itu biar-lah mengikut saloran yang sehat yang mana tidak mengharapkan sa-suatu. Dan juga biar-lah amal bakti kita itu, berpada-pada, jangan sampai membebankan diri sendiri. Atau pun, bahawa diri kita itu telah mampu untok berdiri sa-telah itu baru-lah membuat amal kebaktian. Begitu juga hal-nya dengan berbuat kejahatan hendak-lah kita sa-boleh2-nya, menahan diri dari melakukan-nya, walau pun ada yang memaksa-maksa diri kita hendak berbuat kejahatan itu. Ingat-lah bahawa, dengan sa-titek noda kejahatan yang kita lakukan itu akan menghilangan sa-lautan jasa kebaktian yang pernah kita buat sa-lama ini.

Akhir-nya dapat-lah kita berkesimpulan, bahawa baik itu di-balas dengan kebaikan, begitu jua hal-nya dengan kejahatan, akan di-balas jua dengan kebaikan. Dan juga biar-lah berbuat baik itu berpada-pada, dan elakkan-lah diri kita dari sa-barang kejahatan.



## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 21hb Mach, 1979 hingga ka-hari Selasa 27hb Mach, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 21hb Mach | 12.32 | 3.50 | 6.35 | 7.46 | 4.54 | 5.09 | 6.23 |
| 22hb Mach | 12.32 | 3.50 | 6.35 | 7.46 | 4.54 | 5.09 | 6.23 |
| 23hb Mach | 12.32 | 3.50 | 6.35 | 7.46 | 4.54 | 5.09 | 6.23 |
| 24hb Mach | 12.32 | 3.50 | 6.35 | 7.46 | 4.54 | 5.09 | 6.23 |
| 25hb Mach | 12.32 | 3.50 | 6.35 | 7.46 | 4.54 | 5.09 | 6.23 |
| 26hb Mach | 12.30 | 3.48 | 6.34 | 7.45 | 4.50 | 5.06 | 6.21 |
| 27hb Mach | 12.30 | 3.48 | 6.34 | 7.45 | 4.50 | 5.06 | 6.21 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# Peraduan Kuiz

BANDAR SERI BEGAWAN. —Satu majlis sambutan Maulud Nabi s.a.w. telah di-adakan di-Dewan Sekolah Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit di-batu 1½, Jalan Tutong pada 22hb Februari lepas. Majlis itu di-anjorkan oleh guru2 dan penuntut2 sekolah tersebut.

Majlis yang bermula kira2 jam 8.00 malam itu di-rasmikan oleh Datin Hajjah Jusnani bte Haji Lawie, Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi Brunei. Antara lain yang turut beruchap di-majlis itu termasok-lah Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei dan pengetua sekolah tersebut.

Achara kemunchak di-majlis itu ia-lah peraduan kuiz dalam bahasa Arab di-kalangan penuntut2 sekolah itu, (gambar atas dari JHEU).

# MAIN CHATOR BUKAN UNTOK MENDENGKOR

OLEH: STEWART WAVELL

SIRI KE-18

SA-PANJANG beberapa bulan akan datang kita akan meninjau sejarah permainan chator, oknum serta permainan pemain2 agong, pelbagai sistem pembukaan yang jauh berbedza, dan masaalah2 yang khusus bagi permainan hujong. Sa-belum memulakan Odyssey ini, terdapat satu atau dua perkara kechil tetapi penting yang mungkin tidak dapat di-abaikan. Orang2 yang baru belajar bermain mesti-lah di-beri tahu tentang peratoran2 yang sa-takat ini belum di-sentoh.

Perkara pertama melibatkan perkara yang mesti di-patohi ia-itu jika awda menyentoh mana-mana buah-chator, buah-chator itu mesti-lah di-gerakkan. Grandmaster DuzKhotimirsky yang bermain dengan David Bronstein di-Moscow dalam tahun 1954 telah membuat penonton2 kehairanan apabila ia, sa-sudah menggerakkan satu buah-chator, berfikir sa-jenak, menukar fikiran-nya, memulehkan buah-chator itu ka-petak asal-nya dan menggerakkan yang lain! Perbuatan itu tidak pernah berlaku dalam permainan chator. Marah kerana reaksi penonton2 itu, ia pun berteriak: "Apa ini? Saya telah melakukan satu gerak yang tidak baik dan sekarang saya mengganti-nya dengan satu gerak yang baik. Peratoran kata kamu?

Berambus dengan peratoran, ini ada-lah permainan chator. Tambahan pula, saudara tidak membantah bukan?" mengarahkan pertanyaan itu kapada lawan-nya. "Silakan, saya senang sa-kali!" jawab Bronstein gembira, dan permainan pun di-teruskan.

Peristewa itu merupakan satu tauladan yang baik tentang satu penchabulan terang2an terhadap peratoran pada peringkat yang paling tinggi. Permainan itu di-menangi oleh Bronstein tetapi dengan penchabulan itu mungkin berlaku sa-balek-nya.

Awda di-benarkan membetulkan kedudokan buah-chator dalam masa bermain jika awda terlebeh dahulu memberi tahu pengadil. Kalau tidak: "sa-kira-nya pemain yang giliran-nya untok melakukan gerak menyentoh —

(a) satu atau lebeh daripada satu buah-chator yang sama warna-nya, ia mesti-lah menggerakkan atau menawan buah-chator yang mula-mula di-sentoh yang dapat di-gerakkan atau di-tawan;

(b) salah satu buah-chator-nya dan salah satu buah-chator lawan-nya ia mesti-lah menawan buah-chator lawan-nya itu dengan buah-chator-nya itu; atau jika ini tidak dapat di-lakukan, hendak-lah menggerakkan buah-chator-nya itu; atau jika ini pun tidak dapat di-lakukan, menawan buah-chator lawan-nya itu."

Jika tidak ada penimbangtara atau pengadil, ada-lah sudah menjadi suatu kelaziman sa-belum membetulkan sa-suatu buah-chator untok berkata "J'adoube" yang erti-nya ketika di-mana kedua-dua pemain di-benarkan berchakap dalam permainan chator.

Hans Bohm dalam buku-nya *The Chess Player's Bed-side Book* menulis tentang sa-orang pemain yang sa-lepas menganchan satu buah-chator lawan-nya, mulai tersenyum sambil berbisek sendirian: "makan-lah, makan kalau kau berani", dan kemudian terus berdiri dengan senyuman yang paling mengejek. Pada ketika lain, sa-lepas mengolah satu perangkap, ia mulai memukul-mukul kepala-nya sambil mengeloh: "Bodoh-nya aku!" dan menatap mata lawan-nya dengan pandangan bertimbang rasa.

Ada pemain minum dengan bunyi yang mengganggu; ada pula membuat bising dengan pembungkus gula-gula; malahan ada pula yang tidor mendengkor. Semua bunyi bising ini dapat di-hentikan oleh pengadil. Juga yang paling mengganggu daripada pemain2 yang tidak begitu tahu dengan peratoran2 perlawanan ada-lah amalan mereka mengulas sa-masa sa-suatu permainan sedang berjalan. Ulasan pakar mengenai sa-suatu permainan ada-lah amat berharga tetapi ia mesti-lah di-lakukan dalam sa-buah bilek kuliah yang berdekatan, sa-kira-nya Brunei akan membina sa-buah Pusat Main Chator-nya sendiri.

